

RM50j tanggung kos rawatan 38,000 pesakit buah pinggang

Putrajaya: Kerajaan memperuntukkan RM50 juta setiap tahun bagi menanggung kos rawatan kepada kira-kira 38,000 pesakit buah pinggang di negara ini, terutama rawatan haemodialisis, kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr S Subramaniam.

Beliau berkata, kerajaan turut memperuntukkan subsidi RM21.3 juta kepada badan bukan kerajaan (NGO) serta sektor swasta yang memberi khidmat rawatan dialisis kerana hospital awam tidak mampu menanggung jumlah pesakit buah pinggang yang semakin meningkat.

“Jumlah pesakit buah pinggang di negara kita meningkat saban tahun sehingga nisbah 1,182 pesakit dalam sejuta penduduk setakat tahun 2014, berbanding 563 dalam sejuta penduduk 10 tahun sebelum itu. Sehingga tahun 2014, jumlah pesakit buah pinggang di negara ini yang menjalani rawatan dialisis seramai 35,580 orang.

“Daripada jumlah itu, kira-kira 27,600 pesakit menjalani haemodialisis, selebihnya rawatan Peritoneal Dialisis (PD). Daripada jumlah 35,580 pesakit itu juga, hospital kerajaan hanya mampu menampung kira-kira 8,000 pesakit, manakala bakinya mendapat rawatan di pusat kendalian NGO atau swasta,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media sempena pelancaran Mesin Dialisis Peritoneal Automatik, Lucenxia INTELLIS, di sini semalam. Lucenxia INTELLIS adalah mesin dialisis peritoneal automatik khusus untuk pesakit buah pinggang kronik melakukan sendiri rawatan dialisis di rumah.

Jumlah penderma tidak cukup

Sementara itu, Pengerusi Yayasan Buah Pinggang Negara, Datuk Dr Zaki Morad Mohamed Zaher, berkata seramai 16,000 daripada kira-kira 38,000 pesakit buah pinggang di negara ini memerlukan pemindahan buah pinggang, namun dkekang jumlah penderma yang tidak cukup atau hanya ada kira-kira 70 penderma setahun.

Di **Ipoh**, Dr Subramaniam yang ditemui media selepas merasmikan Pesta Perpaduan Ponggal 2016 malam kelmarin, berkata sektor pelancongan kesihatan di negara ini diunjur meningkat lima peratus tahun ini oleh Majlis Pengembaraan Penjagaan Kesihatan Malaysia (MHTC) walaupun ekonomi dunia tidak menentu.

“Kedudukan Malaysia mula mendapat perhatian kerana menawarkan rawatan dan perkhidmatan kesihatan berkualiti pada kos lebih rendah. Walaupun ekonomi tidak begitu baik dan nilai ringgit rendah, ada negara melihatnya sebagai keuntungan (kos rawatan murah di Malaysia),” katanya.

Sambil memaklumkan pasaran Asia Barat menjadi sasaran dan promosi mengenainya giat dilakukan, beliau berkata, ketika ini ramai pesakit dari Asia Barat seperti Arab Saudi dan Qatar gemar mendapatkan rawatan di Thailand kerana kos murah, sedangkan Malaysia lebih sesuai dari aspek budaya, agama dan kemudahan.